

Buli siber: PM mahu tindakan tegas diambil

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kejadian buli siber yang berlaku sehingga mengakibatkan kematian.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, perkara tersebut disuarakan oleh Anwar menerusi mesyuarat Kabinet yang berlangsung semalam.

“Beliau telah meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan PDRM (Polis Diraja Malaysia) mengambil tindakan yang sangat tegas dan kita perlu berusaha menghentikan buli siber daripada berterusan,” katanya dalam sidang akhbar mingguan di sini semalam.

Jumaat lalu seorang pengengaruh TikTok berusia 29 tahun didakwa membunuh diri selepas menjadi mangsa buli siber di Gombak Setia.

Ketika ditanya berhubung mewujudkan akta spesifik berkaitan gejala buli siber, Fahmi berkata, pihaknya akan meneliti keperluan sama ada untuk meminda akta sedia ada seperti Kanun Keseksaan serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, atau menggubal akta khusus mengenai buli siber.



FAHMI FADZIL

“Saya baru maklumkan kepada Kabinet bahawa kita mempunyai beberapa kajian (sebelum ini), tetapi kita belum berada di peringkat yang kita akan mengesyorkan atau akan membawa rang undang-undang (RUU) itu ke Parlimen. Namun, kita masih boleh mengambil tindakan sekarang berdasarkan undang-undang sedia ada dan semasa,” ujarnya.

Fahmi berkata, perkara

tersebut merupakan antara tiga langkah yang dikemukakan dalam mesyuarat Kabinet pada hari ini sebagai tindakan mengatasi gejala buli siber, selain cadangan untuk mengadakan jerayawara bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dalam talian serta dari segi pengurusan dalam menerima laporan berhubung kes buli siber.

“Kedua adalah melibatkan aspek pengurusan atau pentadbiran iaitu kelancaran hubungan antara MCMC dan PDRM, kadangkala pengadu akan pergi balai polis untuk membuat laporan, kemudian mereka diminta membuat laporan ke MCMC dan MCMC pula meminta mereka buat laporan polis dan perkara itu berulang,” katanya.

Tambah Fahmi yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan, satu pertemuan dengan penyedia platform TikTok akan diadakan pada minggu hadapan bagi membincangkan mengenai isu tersebut.

Sementara itu, Pakar Psikologi, Prof. Datin Dr. Mariani Md. Nor berkata, buli siber dibimbangi akan menjadi trend ekoran peranan media

sosial dalam kehidupan setiap individu hingga menyebabkan lebih ramai mangsa memilih untuk meragut nyawa sendiri.

Katanya, media sosial yang digunakan oleh majoriti individu sudah menjadi platform untuk pembuli bersembunyi dan mencari mangsa.

“Buli siber ini ada pelbagai jenis termasuk penghinaan dan penyebaran maklumat palsu atau tidak benar merendahkan seseorang.

“Buli siber ini lebih teruk daripada buli biasa yang kebiasaannya antara pembuli dan mangsa serta hanya berlaku dalam ekologi kegiatan itu berlaku, tetapi buli siber pula semua orang sama ada kenal ataupun tidak dapat lihat atau membaca mengenai apa dihadapi oleh mangsa berdasarkan maklumat dibekalkan pembuli,” katanya.

Beliau menasihati pengguna media sosial untuk tidak mendedahkan maklumat diri yang berlebihan dan tidak melayan komen negatif atau buruk yang dilemparkan pembuli.

Tambahnya, mangsa perlu mengumpul bukti buli siber yang dihadapi dan melaporkan kepada pihak berkuasa.